



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "MENGUTAMAKAN BEKALAN MAKANAN: SUATU IBADAH"

22 September 2023 / 6 Rabiul Awal 1445

الْحَمْدُ لِلّٰهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الَّدِينِ كُلِّهِ وَكَفَى  
بِاللّٰهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ<sup>3</sup> أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى  
اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal; semoga kita dilimpahi taufik dan hidayah, diperkuuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Maha Esa. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: "**MENGUTAMAKAN BEKALAN MAKANAN: SUATU IBADAH**"

Firman Allah SWT, surah Yusuf ayat 47 hingga 48:

﴿قَالَ تَزَرَّعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأْبًا فَمَا حَصَدَتُ ثُمَّ فَذَرُوهُ فِي سُبْلِهِ إِلَّا قَلِيلًا مَمَّا تَأْكُونَ ﴾٤٧﴿ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ  
سَبْعُ شِدَادٍ يَا كُلُّ مَا قَدَّمْتُ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مَمَّا تَحْصِنُونَ ﴾٤٨﴾

Bermaksud: Yusuf pun berkata, "Hendaklah kamu bersungguh-sungguh bercucuk tanam tujuh tahun berturut-turut. Kemudian, apa-apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan pada tangainya kecuali sedikit sahaja untuk kamu makan. Kemudian, selepas tempoh itu akan datang tujuh tahun kemarau yang panjang, yang akan menghabiskan apa-apa yang kamu simpan untuk menghadapi masa tersebut kecuali sedikit daripada apa-apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih).

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Makanan ialah keperluan sangat asas bagi kelangsungan hidup manusia. Tanpa makanan yang cukup dan seimbang, manusia tidak mampu menjalani kehidupan yang sihat dan bertenaga. Pemimpin memikul tanggungjawab berat untuk memastikan rakyat di negaranya mendapat bekalan makanan yang diperlukan dan dengan harga yang mereka mampu membelinya.

Negara wajib mempunyai dasar yang bijak dan program yang berkesan untuk memastikan rakyat terjamin dengan bekalan makanan yang cukup. Negara perlu mempunyai rakyat yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk menghasilkan bahan makanan. Negara wajib mengutamakan usaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan agar tidak terlalu bergantung pada bekalan makanan daripada luar. Perangkaan menunjukkan, pada tahun 2022, jumlah import makanan mencatatkan rekod tertinggi dalam sejarah, bernilai enam puluh tiga bilion ringgit. Keadaan ini sepatutnya dibimbangkan bukan sahaja oleh para pemimpin tetapi oleh setiap rakyat di negara ini. Bekalan makanan yang tidak cukup, akan membawa masalah besar kepada negara yang boleh menjadkan kestabilan malah berkemungkinan mencetuskan krisis yang boleh mengancam keselamatan negara.

Perubahan iklim yang tidak menentu, pemanasan global, krisis politik antarabangsa, serta ancaman virus baharu, merupakan antara punca yang ketika ini menjadkan hasil pertanian, ternakan dan perikanan. Untuk memastikan rakyat di negara mereka tidak menghadapi kekurangan bahan makanan, telah ada negara pengeluar makanan, mengenakan sekatan tidak membenarkan lagi bahan makanan daripada negara mereka dieksport keluar negara. Dasar tersebut sekali gus menjadkan bekalan dan perdagangan bahan-bahan makanan di serata dunia, dan rakyat di negara kita turut terjejas secara langsung.

Perkembangan ini memerlukan negara kita segera meningkatkan usaha untuk menjamin rakyat tidak akan putus bekalan makanan, dengan merintis pelbagai usaha baharu, merangkumi penggunaan kaedah pertanian moden dan teknologi terkini, memperbanyak dan memperluaskan usaha pengeluaran makanan, mengutamakan penggunaan tanah untuk menghasilkan makanan, pengurusan yang cekap lagi telus, serta melatih juga menyediakan insentif untuk melahirkan petani, penternak serta nelayan muda dan moden. Negara amat memerlukan penglibatan lebih ramai anak muda dalam kegiatan pertanian, penternakan dan perikanan serta dalam industri



berkaitan pengeluaran makanan. Pengurusan bencana juga perlu ditambahbaikkan, agar tanaman dan ternakan, yang diusahakan lebih terlindung ketika menghadapi perubahan cuaca secara mendadak, banjir, ribut, kemarau, serangga dan penyakit.

### **Para tetamu Allah yang dimuliakan,**

Selaras dengan *maqasid syariah*, tanggungjawab menjaga nyawa, Islam amat menekankan soal makanan kerana makanan merupakan keperluan yang amat penting dalam kehidupan manusia. Oleh itu, setiap usaha yang dirintis untuk menghasilkan makanan dianggap ibadah yang diberikan ganjaran pahala. Sabda Rasulullah SAW;

**مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا، أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا، فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَحِيمَةٌ، إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ**

Bermaksud: Tiada seorang Muslim pun yang bertani, lalu hasil pertaniannya dimakan oleh burung atau manusia atau binatang, melainkan dia akan menerima pahala atas hal itu.  
(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Hendaklah dijadikan iktibar, ayat 47 dan 48 surah Yusuf yang khatib dengarkan pada awal khutbah. Hendaklah dijadikan teladan tentang kebijaksanaan Nabi Yusuf AS menguruskan bekalan makanan, disusuli perancangan serta pengurusan yang cekap lagi beramanah, lalu Baginda berjaya memastikan bekalan makanan yang cukup diperoleh oleh masyarakat Mesir walaupun dilanda kemarau selama tujuh tahun.

Ummah tidak boleh bersifat sekadar memerhati dan berpeluk tubuh ketika menghadapi sebarang kemungkinan buruk. Ummah perlu tampil dengan pemikiran, sumber dan tenaga melakukan apa jua usaha untuk membantu meningkatkan bekalan makanan di negara ini, demi memastikan rakyat tidak akan menghadapi krisis bekalan makanan. Tanah kurniaan Ilahi di persekitaran kita, wajib dimanfaatkan dengan usaha bercucuk tanam untuk membantu menghasilkan makanan. Penggunaan teknik pertanian hidroponik hendaklah diterokai dan diperkenalkan di tempat yang tidak mempunyai kawasan tanah untuk bercucuk tanam.



Jemaah yang dikasihi Ilahi,

Mimbar menyimpulkan beberapa peringatan:

**Pertama:** Ummah wajib menghargai jasa bakti para petani, penternak, dan nelayan yang membolehkan ummah memperoleh bahan makanan. Ketika ummah menikmati juadah makanan yang terhidang, makanan ini tidak mungkin dinikmati tanpa usaha para petani, penternak, dan nelayan yang secara tekun dan bersungguh melaksanakan tugas fardu kifayah, berjemur di bawah terik matahari atau menghadapi badai di lautan, untuk membekalkan bahan makanan kepada ummah.

**Kedua:** Ummah tidak melakukan pembaziran makanan. Perangkaan menunjukkan kira-kira sepuluh peratus daripada sampah yang dibuang setiap hari merupakan lebih hidangan yang masih boleh dimakan. Setiap hari rakyat Malaysia membuang empat ribu empat puluh enam tan makanan yang masih boleh dimakan. Amalan buruk ini berlaku pada saat rakyat sedang menghadapi kos sara hidup yang tinggi, kenaikan harga makanan, di samping ramai insan di serata dunia berada dalam keadaan kebuluran.

**Ketiga:** Berjimat cermat dan tidak membazirkan bahan makanan, bermula dengan amalan mengurangkan segenggam beras ketika bertanak, mengurangkan secamca gula ketika menyediakan minuman, mengurangkan sesudu minyak, sebiji cili, seulas bawang, sepha ayam dan setahil ikan ketika memasak.

**Keempat:** Berbudi pada tanah ialah ibadah dan amalan terpuji. Ummah tidak harus membiarkan tanah terbiar tanpa digunakan untuk menghasilkan bahan makanan. Masjid, surau, madrasah, maktab, sekolah dan pejabat hendaklah menunjukkan contoh teladan, memajukan tanah di persekitaran masing-masing dengan menanam sayur dan bahan makanan.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى أَلِهٖ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ وَكُوئُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَبَّهَا الْذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَثِتِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Kurniai para petani, penternak, dan nelayan semangat kegigihan, kecekalan dan ketabahan menyempurnakan ibadah fardu kifayah untuk menghasilkan bahan makanan; dirahmati mereka dengan kesihatan dan lindungan keselamatan, limpahi mereka dengan rezeki dan hasil yang luas lagi berkat; suburkan tanaman, biakkan ternakan dan mewahkan hasil perikanan mereka.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْأُخْرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَنَهَىٰ عَنِ الْفَحْشَائِعِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Kepada Imam / Khatib Bertugas:

## **PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT**

Orang ramai dijemput mengunjungi Hari Peladang, Penternak dan Nelayan / Agrofest

Negeri Perak Tahun 2023 yang akan berlangsung seperti ketetapan berikut:

Bertempat di: **Ladang Infoternak, Sungai Siput**

Pada: **29 September 2023 hingga 01 Oktober 2023 (Jumaat-Ahad)**

Waktu: **10.00 Pagi hingga 10.00 Malam**

Agrofest 2023 kali ini menyediakan:

- Laman Pertanian
- Laman Ternakan
- Laman Perikanan
- Laman Nurseri dan Orkid
- Laman Teknologi Inovasi dan Nanas
- Laman Empayar Makanan
- Tapak Jualan Usahawan Luar
- Pasar Tani MESRA
- VET Bistro
- Pameran Kambing Anglo Nubian
- Petting Zoo
- Pony Ride
- Pameran Lembu Sado
- Pameran Ternakan Lembu dan Kambing
- Pertandingan Memancing

Dijemput beramai-ramai mengunjungi bagi mendapatkan info-info menarik berkaitan bidang pertanian, perladangan dan perikanan dan lain-lain info menarik. Masuk adalah PERCUMA.